

**ARAHAN
PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BIL.1/2015**

=====

**PENGGUNAAN BORANG 4B DI BAWAH SEKSYEN 69 DI BAWAH
KANUN TANAH NEGARA 1965 SEBAGAI PERMIT MENCABUT
(EXTRACTION) DAN PEMINDAHAN PASIR SUNGAI BAGI PROJEK-
PROJEK YANG DIJALANKAN DI SEPANJANG SUNGAI DI
NEGERI SELANGOR OLEH KUMPULAN SEMESTA SDN. BHD. (KSSB)**

1. TUJUAN

- 1.1** Arahah ini bertujuan memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Daerah (PTD) berhubung Penggunaan Borang 4B di Bawah Seksyen 69 Kanun Tanah Negara 1965 Sebagai Permit Mencabut (*Extraction*) Dan Pemindahan Pasir Sungai Bagi Projek-Projek Yang Dijalankan Di Sepanjang Sungai Di Negeri Selangor oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB).

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Lembangan Sungai Negeri Selangor Bil. 3/2014 bertarikh 29 Ogos 2014 yang telah dipengerusikan oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, pihak Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. (KSSB) telah membangkitkan isu berkenaan penggunaan **Lesen Pendudukan Sementara, Borang Khas (Borang 4B)** untuk kerja-kerja cuci gali sungai di seluruh Negeri Selangor yang telah dikeluarkan oleh semua Pentadbir Tanah;
- 2.2 KSSB merupakan syarikat yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri bagi kerja-kerja penyelenggaraan sungai dan **diberi kebenaran bagi memohon pemindahan bahan batuan (pasir)** hasil dari kerja-kerja penyelenggaraan tersebut;
- 2.3 Pengeluaran Lesen Pendudukan Sementara, Borang Khas (Borang 4B) kepada pihak KSSB akan **melibatkan kos yang tinggi** kepada pihak KSSB kerana pihak KSSB perlu membayar royalti bagi pemindahan pasir sungai dan juga pembayaran bagi Lesen Pendudukan Sementara bagi kerja-kerja pemrosesan pasir di atas tanah kerajaan; dan
- 2.4 Sehubungan itu, melalui keputusan mesyuarat Pengarah Tanah dan Galian Selangor bersama Pentadbir Tanah Daerah Negeri Selangor di Kinrara Resort pada 16 Mac 2015 telah bersetuju bahawa Permit Mencabut (*Extraction*) dan

Pemindahan Pasir Sungai Bagi Projek-Projek Yang Dijalankan Di Sepanjang Sungai Di Negeri Selangor hendaklah menggunakan Borang 4B di Bawah Seksyen 69 KTN.

3. KAEDAH PELAKSANAAN

3.1 Pengarah Tanah Galian Selangor telah bersetuju bagi ketetapan berikut:

3.1.1 Lesen Pendudukan Sementara, Borang Khas (Borang 4B)

- a) Pentadbir Tanah boleh mempertimbangkan permohonan kelulusan permit untuk memindah Bahan Batuan (Borang 4B) oleh KSSB khusus bagi pengeluaran dan pemindahan **bahan batuan iaitu pasir sungai sahaja;**
- b) Bagi kawasan-kawasan pemprosesan pasir sungai, tempat longgokan pasir (*stockpile*) dan "*tailing pond*" untuk kerja-kerja cuci gali sungai di atas tanah kerajaan dan tanah rezab, pihak KSSB perlu memohon **Lesen Pendudukan Sementara, Borang Khas (Borang 4B)** daripada Pentadbir Tanah;

- c) Pentadbir Tanah perlu memastikan **ulasan daripada Pegawai Pengawal dan Jabatan Teknikal Berkaitan** bagi permohonan-permohonan di atas tanah rezab, diperolehi terlebih dahulu oleh KSSB sebelum Lesen diluluskan;
- d) Pemohon hendaklah **membayar fi** Lesen Pendudukan Sementara, Borang Khas (Borang 4B) mengikut **Jadual 1** dibawah :-

Jadual 1 : Kadar Fi Lesen Lesen Pendudukan Sementara, Borang Khas (Borang 4B)

Butiran/Kaedah Tanah Selangor [Kaedah 22]	Tanah Bandar // Pekan	Tanah Desa	Persisir Pantai dan Dasar Laut // Sungai	Deposit
15. Pengorekan, Memproses & Mengalihkan Bahan Batuan	RM 1,000.00 per 1,000 meter persegi (m ²)			RM 10,000.00

- e) Sebagai tambahan kepada fi pendudukan di atas tanah tersebut, suatu fi hendaklah dikenakan ke atas **kadar unit kuantiti bahan batuan** yang hendak dikeluarkan; dan

- f) Kadar fi royalti yang dikenakan adalah sebanyak RM3.00 per meter padu, bersamaan RM1.82 per metrik tan selaras dengan Kaedah 24, item e, Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003.

3.1.2 Tempoh Lesen Pendudukan Sementara, Borang Khas (Borang 4B)

- a) Dinasihatkan Pentadbir Tanah mengeluarkan lesen ini bagi tempoh **2 tahun** sahaja.

3.1.3 Pelan Ukur Terperinci (*Detailed Map Survey*)

- a) Pentadbir Tanah hendaklah memastikan KSSB mengemukakan **Pelan Ukur Terperinci (*Detailed Map Survey*)** setiap kawasan operasi cuci gali sungai dan kawasan pemrosesan pasir yang telah diluluskan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) bagi tujuan pemantauan dan semakan.

4. BERKUAT KUASA

4.1 Arahan ini adalah **berkuat kuasa 1 Jun 2015** dan Pentadbir Tanah adalah diarahkan untuk mematuhi arahan yang telah ditetapkan.


(DATO' MOHD AMIN BIN AHMAD AHYA)

D.P.M.S., B.C.M., B.K.T., P.J.K.

Pengarah Tanah Galian Selangor.

Bertarikh: 25.5.2015